

Ulasan Buku (Book Review)

SUKRAN VAHIDE (2005), *ISLAM IN MODERN TURKEY: AN INTELLECTUAL BIOGRAPHY OF BEDIUZZAMAN SAID NURSI (DISUNTING DAN PENGENALAN OLEH IBRAHIM M. ABU RABI)*, NEW YORK: STATE UNIVERSITY OF NEW YORK PRESS. 424 HALAMAN. [ISBN: 978-0-7914-6515-8 (HARDBACK); 978-0-7914-6516-5 (PAPERBACK)]

Ahmad Hidayat Buang*

Pengajaran yang terpenting daripada buku ini ialah bagaimana pegangan seseorang kepada ajaran Islam secara ikhlas dan penyerahan tawakal secara mutlak kepada Allah ta'ala melalui ibadat dan dakwah dengan menunjuk contoh dan budi pekerti serta ketegasan dengan berpegang kepada prinsip-prinsip ajaran al-Quran dapat menjadikan seseorang itu cekal dan konsisten dalam agamanya sungguhpun cabaran yang dihadapinya sesuatu yang terlalu sukar bahkan mungkin mustahil. Inilah yang ditunjukkan oleh Bediuzzaman Said Nursi dalam menghadapi regim sekular Turki Kamalis yang telah menukar pemerintah Islam Uthmaniyyah kepada sebuah pemerintahan yang bukan sahaja non-religius bahkan anti kepadanya. Perubahan yang dilakukan oleh regim Kamalis adalah totalis dengan bukan sahaja meninggalkan Islam bahkan cuba menghapus kesan-kesannya dalam amalan harian umat Islam di Turki atas dasar kemodenan dan kebendaan secara kuku besi. Sebagai sebuah buku bercorak autobiografi, buku ini menelusuri sejarah kehidupan Said Nursi melalui tiga peringkat perkembangan intelektualnya iaitu Said yang lama atau *Old Said*, Said yang baru atau *New Said* dan Said yang ketiga atau *Third Said*. Ini adalah tahap-tahap evolusi sikap tokoh ini terhadap peranan Islam dalam situasi politik umat Islam yang berbeza. Namun sebelum itu penulis telah membentangkan latar belakang intelektual Said Nursi yang beorientasi pendidikan tradisional Islam yang didominasi dengan aliran Sufi di sekitar kawasan kelahirannya di Nurs iaitu sebuah perkampungan di Timur Turki. Beliau dikatakan sebagai seorang yang sangat bijak dan cepat menguasai ilmu-ilmu tradisi Islam dan fasih berbahasa Arab selain daripada Bahasa Turki dan Kurdistan. Sebenarnya Said Nursi adalah seorang berketurunan Kurdi, oleh itu beliau adalah bermazhab Syafi'i dan mengikut aliran teologi Ash'ariyyah. Sebagai seorang yang membesar di kawasan pergunungan beliau amat gemar kepada permandangan luas seperti di kawasan tinggi atau di tepi tasik. Persekitaran ini juga membentuk sikapnya yang berdikari dan kental dalam menghadapi cabaran.

Semasa di akhir pemerintahan kerajaan Uthmaniyyah telah berlaku beberapa pembaharuan seperti gerakan perlembagaan atau *constitutionalism* di mana kuasa khalifah dihadkan melalui Parlimen. Said Nursi menyokong gerakan ini kerana baginya perubahan sebegini akan memperkukuhkan lagi kerajaan Islam Turki supaya sesuai dengan perkembangan semasa. Namun begitu beliau juga bimbang dengan usaha-usaha pemodenan yang berlaku di mana pengaruh-pengaruh material dan sekular Eropah akan menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam Turki terutama melalui usaha-usaha pembaharuan yang dikenali sebagai *Tanzimat*. Perubahan melalui *Tanzimat* ini mengikut penulis merugikan kedudukan orang Islam di Turki Uthmaniyyah (h.34). Bahkan dikatakan gerakan sekularisasi Turki bermula sejak dari zaman Uthmaniyyah lagi dengan sokongan dan perancangan dari Barat melalui penerimaan idea-idea dari Eropah terutama Perancis melalui penghantaran pegawai-pegawai Turki Uthmaniyyah kesana bagi tujuan latihan. Bagi Said Nursi yang lama atau *Old Said* cara yang sesuai untuk menghadapi cabaran nilai-nilai baru Barat yang anti agama ini ialah memodenkan pengajian Islam dengan memasukkan dalam kurikulum ilmu-ilmu sains moden di samping menyeru kepada perpaduan umat Islam samada Turki atau Arab yang pada ketika itu cuba dipecahkan oleh pihak Barat terutama British. Pun begitu pandangan beliau terhadap kemajuan Barat terutama idea *constitutionalism* adalah sesuatu yang positif di mana beliau percaya ia mengandungi prinsip-prinsip ajaran Islam iaitu kebebasan, keadilan, permesyuaratan dan kedaulatan undang-undang (h.17). Oleh yang demikian beliau menerima demokrasi barat dengan asas-asas Islam, kerana jika Turki menolak asas-asas agama ini sebenarnya apa yang akan berlaku menurut kata-katanya yang terkenal "The Ottoman state is pregnant with Europe and will give birth to a European state one day. And Europe is pregnant with Islam: one day it will give birth to an Islamic state" (h.97). Yang dimaksudkan Islamic state di sini bukanlah pelaksanaan hukum-hukum Syariah seperti yang didombakan oleh gerakan-gerakan Islam Timur Tengah melalui ideology *dawlah Islamiyyah*, namun melalui pelaksanaan prinsip-prinsip moral dan etika Syariah Islam seperti di atas. Menurutnya lagi kebebasan yang sebenarnya hanya akan dapat direalisasikan melalui penghayatan kepada ajaran-ajaran Syariah dan budi pekerti Islam yang mulia (h.54). Pandangan ini dirumuskan olehnya semasa menjelaskan maksud kebebasan kepada ketua-ketua kabilah Kurdi dengan kata-katanya yang metaforik: "Our enemy and what is destroying us is Aga Ignorance, and his son, Poverty Efendi and grandson, Enmity Bey (h.90).

* Ahmad Hidayat Buang, Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ahidayat@um.edu.my.

Oleh itu bagi Said Nursi penyakit yang perlu dibuang daripada pemikiran dan psikologi umat Islam ialah kejahilan, kemiskinan dan perseteruan sebagaimana yang melanda umat Islam ketika itu dan juga sekarang. Bagi tujuan untuk membentuk sebuah generasi Islam yang sentiasa relevan dengan perkembangan semasa terutama dalam menghadapi cabaran intelektual Barat, Said Nursi berjumpa dengan ramai orang termasuk datang ke Istanbul untuk bertemu dengan Sultan bagi meminta bantuan kewangan bagi mendirikan sebuah Universiti yang dikenali sebagai Madrasatul al-Zahrah di Van, di timur Turki. Universiti ini mengikut visi Said Nursi akan mengabungkan antara ilmu-ilmu tradisi Islam dan sains moden. Fokus utama Universiti ini ialah mengharmonikan antara tiga aliran utama pendidikan di Turki ketika itu iaitu *medreses* yang mewakili pendidikan tradisi, *mektebs* yang mewakili pendidikan umum yang sekular dan *tekkes* yang mewakili pusat-pusat pengajian Tasauf (h.45). Bagi pandangan Said Nursi langkah untuk memahami al-Quran dan kebenarannya adalah dengan memahami sains fizikal (h.233). Dan dia sendiri mempelajari ilmu berkenaan secara sendiri dan mahir dengannya. Beliau pernah berkata "The conscience is illuminated by the religious sciences, and the intellect is illuminated by the sciences of civilization" (h.40 dan 46). Sungguhpun Said Nursi berjaya mendapat dana bagi menubuhkan universiti ini, namun rancangan ini terhalang dengan meletuskan peperangan dunia pertama di mana Sublime Porte terlibat dalam pakatan Jerman Prusia bagi menentang perikatan British dan Perancis termasuk Rusia. Said Nursi terlibat secara langsung dalam peperangan ini di mana pada mulanya bertindak sebagai pegawai agama dalam angkatan tentera, akhirnya sebagai pegawai pemerintah berpangkat Kolonel.

Penglibatan Said Nursi dalam peperangan ini terutama mempertahankan daerah kelahirannya di Van dan Bitlis sungguh mengagumkan dan telah menyelamatkan banyak nyawa bukan sahaja orang Islam bahkan juga orang bukan Islam. Dalam pertempuran beliau dikatakan meniupkan semangat jihad di kalangan tentera Islam Uthmaniyyah. Setelah mengalami kecederaan dalam satu pertempuran Said Nursi telah ditawan oleh pasukan tentera Rusia dan dijadikan tahanan perang oleh Rusia dan dibawa ke Kostroma Rusia. Setelah dua tahun di sana, beliau telah berjaya melepaskan diri dan pulang ke Istanbul melalui Berlin, Jerman. Beliau diberi sambutan meriah sebagai pahlawan di Istanbul serta diberikan jawatan penting di Darul Hikmah Islamiyah, iaitu sebuah badan yang mempunyai hubungan dengan pejabat Syeikhul Islam Istanbul, sebagai wakil angkatan tentera. Namun begitu peranan ini terganggu kerana perjanjian peperangan pertama antara Uthmaniyyah yang menyaksikan banyak wilayahnya diserahkan kepada kuasa penjajah di samping kebangkitan nasionalisme Arab yang menolak kepimpinan Turki di dunia Islam. Kemasukan pasukan tentera Inggeris dan Eropah buat pertama kalinya di selat Bosphorus di anggap oleh kuasa Barat sebagai menebus kekalahan mereka di tangan Sultan Muhammad al-Fatih. Peristiwa ini mengguris hati banyak orang Islam dan sekali lagi menyaksi Said Nursi terlibat dengan gerakan pembebasan Turki daripada cengkaman kuasa Barat. Namun keadaan pembebasan ini berbeza kerana munculnya semangat nasionalisme Turki yang melihat konsep kesatuan Islam yang dipejuang oleh Said Nursi suatu ketika dahulu sebagai sesuatu yang merugikan dan sukar untuk dicapai dengan kemunculan pelbagai tuntutan daripada golongan minoriti dalam negara Uthmaniyyah dan juga munculnya pandangan atau gerakan yang percaya bahawa kekalahan Turki Uthmaniyyah di dalam peperangan dunia pertama kerana faktor agama Islam. Oleh yang demikian dalam Turki yang baru ini Islam mesti diketepikan dan budaya serta tamaddun Eropah mesti dianuti dan diamalkan demi untuk kemajuan. Pusat gerakan pembebasan Turki yang baru telah berpindah ke Ankara dan apabila Turki Berjaya dibebaskan, pemerintah Khalifah tidak dapat dipertahankan dan akhirnya dimansuhkan pada tahun 1924. Sungguhpun perkara ini amat menyedihkan perasaan Said Nursi namun ia melihat perubahan ini sesuatu yang boleh terima dengan syarat intipati ajaran Islam dapat terus dipertahankan. Oleh itu pada permulaannya beliau menerima undangan kerajaan Kamalis untuk datang ke Ankara bagi merunding peranan yang boleh dimainnya, memandangkan beliau adalah seorang pegawai tentera Turki yang banyak berjasa di dalam peperangan. Beliau menolak tawaran jawatan dan bayaran pencen yang selesa daripada kerajaan Kamalis dengan pandangan kerajaan yang baru ini mempunyai agenda sekular yang bercanggah dengan Islam. Lantaran itu beliau memisahkan diri dan beruzlah di pergunungan desanya di Van dengan beribadat, bermunajat dan bertafakkur. Sungguhpun beliau tidak bersetuju dengan kerajaan Kamalis namun beliau menolak dengan menentangnya secara kekerasan atau bersenjata. Beliau juga menolak idea untuk menubuhkan sebuah kerajaan Kurdistan yang berasingan. Bahkan beliau menyeru supaya dihentikan pertumpahan darah sesama saudara Islam. Sejak dari sini bermulanya evolusi kedua Said Nursi sebagai Said Yang Baru atau *New Said*. Dalam usaha untuk menawarkan kaedah bagaimana untuk memulihkan keadaan ummah yang dilanda kemurungan ketika itu beliau terlebih dahulu mengenalpasti lima prognosis iaitu realiti umat Islam yang berada dalam keadaan berputus asa dan rendah diri berbanding Eropah, kemerosotan tamadun dan ilmu, kemiskinan, tiada kebebasan akibat dari sistem politik yang bersifat autokratik, dan keberanian dan kebanggaan untuk memperjuangkan Islam sebagai akidah dan agama yang sebenar (h.97). Dalam hubungan ini beliau menyeru supaya umat Islam mengambil contoh Jepun yang mengambil kemajuan Barat namun mengekalkan jatidiri dan budaya Jepun (h.95).

Sungguhpun Said tidak mencampuri urusan politik, namun pihak kerajaan Kamalis merasakannya sebagai ancaman kepada mereka kerana kedudukan dan pengaruhnya di dalam masyarakat awam Turki yang tertekan dengan perubahan-perubahan sekularisasi golongan Kamalis. Said Nursi pada masa yang sama berhajat untuk menyambung impiannya menubuhkan Universiti Zahrahnya yang terbengkalai dahulu. Bagi mengelakkan berkembangnya pengaruh Said Nursi yang berbeza aspirasinya dengan ideologi sekular Kamalis, Said Nursi dibuang daerah ke Barla, iaitu sebuah desa terpencil di Barat Laut Turki. Ramai yang beranggapan pemencilan Said Nursi ke Barla ini merupakan sebagai pencetus kepada munculnya surat-surat al-Nur atau yang dikenali sebagai Risalah al-Nur yang ditulis oleh Said Nursi sebagai satu usaha untuk meneruskan kesinambungan ajaran Islam di Turki yang kini menjadi sebuah republik yang sekular. Pemencilan Said Nursi di Barla telah memberinya inspirasi untuk bagaimana meneruskan obor Islam dan menghadapi cabaran sekularisasi yang menolak agama dan akidah Islam. Beliau telah menimbang beberapa pendekatan untuk membela Islam dalam suasana baru ini seperti pendekatan Sufi, tarikat dan politik, namun akhirnya bagi Said Nursi cara yang dipilihnya adalah pentunjuk daripada al-Quran itu sendiri. Pun begitu nuansa yang memberikannya inspirasi kepada corak pemikirannya dipengaruhi oleh dua kitab Tasauf yang terkenal iaitu *Futuh al-Ghayb* oleh Abd Qadir al-Jaylani dan *Maktubat* oleh Shaikh Ahmad Sirhindi (h.165). Pendekatan yang diambil oleh Said Nursi ialah memperkukuhkan keimanan dan keyakinan kepada agama dan mempertahankan rukun-rukun Islam yang lima terutama solat dan membaca al-Quran. Beliau menolak pendekatan politik yang mana mengikutnya adalah punca pergolakan dan perpecahan. Lantaran beliau melarang nama Islam digunakan oleh mana-mana kumpulan Islam mengeksploitasi dan menggunakan Islam bagi tujuan politik. Mengikutnya "... for the civilised are to be conquered through persuasion not compulsion. Investigation of truth should be (prompted) by love, while enmity should be for savagery and bigotry. Its aim is to uphold the Word of God. Ninety-nine percent of the Shariah is concerned with morality, worship, the hereafter and virtue. One percent deals with politics, let our rulers think of that" (h.67, 99, 242).

Gerakan dan ajarannya melalui Risalah a-Nur ini berkembang melalui penyebaran surat-suratnya yang disalin dengan tangan oleh pengikut-pengikutnya di sekitar daerah Barla dan kemudiannya berkembang ke serata pelusuk Turki. Akibat daripada itu tekanan telah diberikan kepadanya untuk memindahkannya ke beberapa tempat lain dan apabila itu gagal dakwaan mahkamah telah dikenakan kepadanya. Akibat daripada itu Said Nursi telah dipenjarakan beberapa kali sungguhpun dakwaan berkenaan ditolak oleh Mahkamah Agung Turki melalui perbicaraan yang dikenali sebagai *Muhamakah Kastamonu*. Tekanan kepada dirinya berkurangan sedikit dengan kemenangan Parti Demokrat di bawah pimpinan Presiden Menderes pada tahun 1950 yang dikatakan simpatis kepada ajaran Islam. Bahkan dikatakan kemenangan parti ini berpunca daripada pengaruh ajaran Risalah al-Nur. Dengan kemenangan Parti Demokrat ini, Risalah al-Nur kini telah dicetak disebarluaskan secara meluas dan pusat-pusat pengajian telah ditubuhkan di merata-rata kota dan tempat di Turki. Namun begitu apparatus pemerintahan kerajaan Turki terutama pendakwa, mahkamah dan tentera masih berada di bawah pengaruh parti Republikan. Oleh yang demikian tekanan kepada Said Nursi masih berterusan. Sungguhpun begitu, keadaannya tidak seperti dahulu memandangkan pengaruhnya yang sudah tersebar, di mana ketika ini ajaran Risalah al-Nur telah mula dikenali di peringkat antarabangsa dan mula mendapat perhatian masyarakat dan intelek Islam di luar Turki. Pada saat ini bermulanya era Said Yang Ketiga atau *Third Said* iaitu usaha untuk mendekatkan kembali Turki dengan masyarakat Islam dunia yang terpisah ketika pemansuhan Khalifah dahulu. Pertemuan dengan diplomat-diplomat Islam dan tulisan-tulisan Said Nursi diterjemah dan dihantar ke negara-negara Islam lain terutama di Timur Tengah.

Kemasyuran yang diterima oleh Said Nursi pada ketika ini merisaukan beliau, kerana padanya boleh melonggarkan beberapa prinsipnya iaitu seperti tidak menerima hadiah dan pujian-pujian yang melampau. Beliau adalah seorang yang berdikari dan melakukan semua perkara dengan sendiri, kecuali pada saat akhir hidupnya beberapa muridnya menyediakan makanan dan menguruskan beberapa perkara peribadi dirinya. Begitu juga jika pada masa dahulu beliau mudah menerima tetamu namun ketika di akhir hayatnya beliau tidak mahu berjumpa dengan tatamu melainkan jika ada hal-hal mustahak. Beliau juga amat menekankan kepada intipati ajaran di dalam Risalah al-Nur dan tidak mahu merujuk kepada dirinya sebagai tanda kezuhudan beliau. Setelah dipindah ke sana sini akibat tekanan birokrasi Kerajaan Turki, beliau akhirnya meninggal dunia di Urfa, sebuah bandar berhampiran dengan sempadan dengan Syria pada 25 Ramadan 1379H bersamaan 23 Mac 1960. Beliau berumur 87 tahun ketika meninggal dunia dan tidak meninggal apa-apa harta melainkan wang beberapa lira, sejadah untuk solat, kendi minuman teh dan beberapa barangan lain yang tidak berharga. Untuk mengelakkan kuburan Said Nursi menjadi tempat kunjungan yang menimbulkan masalah keselamatan kepada kerajaan Turki, jasadnya telah dipindahkan dan dikuburkan di suatu tempat rahsia. Sungguhpun pada masa hidupnya Said Nursi mendapat penghinaan dan layanan buruk daripada regim Kamalis, namun beliau adalah seorang yang disanjung dan dihormati oleh semua rakyat Turki. Dikatakan ketika beliau ke Istanbul setelah bebas daripada penjara, jalanraya

di masjid sesak kerana masyarakat mahu bersalaman dan mencium tangannya. Ternyata keikhlasannya dan ketegasannya berpegang dengan ajaran al-Quran meninggikan kedudukannya. Manakala ajarannya yang terkandung di dalam Risalah al-Nur mudah diterima oleh semua lapisan masyarakat kerana penjelasannya yang mudah dan bersesuaian dengan logik dan perkembangan serta retorik semasa. Terbukti kaedahnya yang bersifat *apolitical* berjaya membentuk masyarakat Islam yang dinamik dan progresif bersesuaian dengan dinamisnya kepada masalah umat melalui kebenaran Islam, persaudaraan dan kasih sayang, perpaduan, namun berpandangan perlu ada suatu kumpulan yang memimpin atau menunjuk contoh kepada perpaduan ini (pada ketika itu Said Nursi menyeru kalangan Arab memimpin dan menunjukkan contoh) dan permesyuaratan (h.98-99). Pendekatan Said Nursi melalui Risalah al-Nur berfungsi untuk memperbaharui dan menyegarkan Islam iaitu melalui tindakan positif, kesabaran dan bertindak secara senyap. Kaedah ini berbeza dengan pendekatan lain di dunia Islam yang lazimnya melalui konfrontasi secara langsung melalui politik dan tindakan agresif. Said Nursi menyifatkan kaedah berkenaan sebagai *maddi* atau material berbeza dari kaedahnya yang dianggap sebagai jihad maknawi atau jihad moral (h.323). Sesungguhnya kaedah ini jika diamati mempunyai impak yang mendalam dalam sesuatu masyarakat tersebut dan terselah keberkesannya dalam masyarakat Turki pada masa kini. Namun apa yang lebih penting kaedah ini berjaya mengelakkan konflik dan kehilangan harta dan nyawa sebagaimana yang berlaku sekarang melalui pendekatan yang diambil di Timur Tengah. Maka tidak syak lagi Said Nursi layak digelar sebagai Badi'uzzaman dan seorang Mujaddid Islam zaman moden.